



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR**

## **KENYATAAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah di buka kepada syarikat-syarikat yang mendaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di dalam kod bidang

**060501 - Peralatan Makmal serta Aksesori ATAU 210104 - Software/System Development ATAU 210110 - (GIS) and Services ATAU 221201 - Topografi / LIDAR ATAU 221206 - Pemetaan**

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

### **NO. SEBUTHARGA:**

**UTHM/B/04/004/2017 (32)**

### **TAJUK SEBUTHARGA:**

**SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI "GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM" DI MAKMAL BIOLOGI, FAKULTI SAINS, TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN INSAN, KAMPUS PAGOH**

1. Sebutharga ini adalah dibuka melalui sistem e-tender secara on-line. Semua pembekal/kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini perlu menggunakan sistem e-sebutharga ini yang boleh dilayari di laman sesawang **<http://tenderwizard.my/UTHM>**.
2. Oleh itu, semua syarikat/pembekal/kontraktor **DIKEHENDAKI** mendaftar terlebih dahulu secara online bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman sesawang **<http://tenderwizard.my/UTHM>**.
3. Semua pembekal/kontraktor akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas pembekal/kontraktor melengkapkan permohonan secara online dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara online. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.
4. Pembekal/kontraktor yang telah mendaftar dan kemudiannya membuat bayaran untuk sebutharga ini sepertimana dalam iklan sebutharga ini sahaja yang boleh menyertai pelawaan sebutharga ini.
5. Sebutharga ini akan dijual mulai **19 Julai 2017 sehingga 1 Ogos 2017 jam 5.00 petang** secara **"Online"** melalui laman sesawang **<http://tenderwizard.my/UTHM>**. Dokumen Sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh ini. Manakala tarikh tutup sebutharga ini ialah pada **2 Ogos 2017 jam 12.00 tengahari**.

6. Dokumen sebutharga yang telah dilengkapkan **WAJIB** di isi (key-in) dalam sistem e-tender secara **"Online"** melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM> dan juga **WAJIB** dikemukakan secara **"Manual"** satu salinan asal yang perlu dimasukkan sendiri ke peti sebutharga **Pejabat Bendahari, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor** mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dalam iklan sebutharga.
7. **Syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia hendaklah mengemukakan harga tawaran dengan mengambilkira kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP/GST) mulai 1 April 2015.**

## **ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

1. Keseluruhan atau sebahagian dari barang-barang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Teknikal berkembar akan dimasukkan ke dalam kontrak dan akan tertakluk kepada syarat-syarat kontrak.
  - (a) Semua sebutharga **WAJIB** di isi (key-in) dalam sistem e-tender secara "**Online**" melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM> mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan .
  - (b) Untuk naskah yang **WAJIB** dihantar secara "**Manual**" ke dalam peti sebutharga, jika sebutharga tidak dihantar sendiri, "**Penyebutharga**" hendaklah mengatur dan memastikan supaya sebutharganya dan lain-lain dokumen jika dikirim melalui pos, sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan.
  - (b) Walau apapun alasan yang diberi, sebarang sebutharga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
  - (c) "**Penyebutharga**" tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan sebutharga ini ke dalam harga sebutharga yang ditawarkan.
2. "Penyebutharga" tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan sebutharga ini ke dalam harga sebutharga yang ditawarkan.
3. Tiap-tiap "Penyebutharga" adalah bertanggungjawab meneliti setiap salinan Dokumen Sebutharga yang dibekalkan. Jika terdapat kesilapan (discrepancy) di dalam Dokumen Sebutharga yang dibekalkan kepada "Penyebutharga" adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab "Penyebutharga" memohon kepada pegawai yang menerima sebutharga untuk membetulkan kesilapan tersebut sebelum tarikh penyerahan sebutharga seperti yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
4. Tempoh sah laku sebutharga adalah selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh penyerahan sebutharga seperti yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga dan seseorang "Penyebutharga" tidak boleh menarik balik sebutharganya dalam tempoh tersebut.
5. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.
6. "Penyebutharga" yang berjaya (jika ada) akan diberitahu melalui surat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 4** di atas dan sebutharga mestilah sah dalam tempoh tersebut. "Penyebutharga" mestilah menandatangani surat perjanjian dan mengemukakan bon pelaksanaan dalam masa yang ditetapkan di dalam surat tawaran. Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa sebab-sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.
7. Jika difikirkan sesuai oleh pegawai yang menerima sebutharga, setiap notis yang hendak diberikan kepada "Penyebutharga" akan dikirimkan melalui pos kepada "Penyebutharga" mengikut alamat "Penyebutharga" seperti yang dicatat dalam sebutharga yang dikemukakan.

8. "Penyebutharga" dalam syarat ini adalah dimaksudkan kepada satu atau lebih daripada satu orang.
9. Keengganan mematuhi syarat-syarat di atas akan menyebabkan sebutharga ditolak (rejection).
10. Pertanyaan berkaitan dengan penentuan sebutharga ini bolehlah diajukan kepada:

**Dekan  
FAKULTI SAINS TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN INSAN  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400, Batu Pahat, Johor**

**U/P : Prof. Madya. Dr. Alona Cuevas Linatoc  
FAKULTI SAINS TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN INSAN  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400, Batu Pahat, Johor**

Tel. : 07-4538584/4243  
Faks : 07-4536051 / 6090

11. Menanda dan Mengirim Dokumen Sebutharga
  - (a) Tiap-tiap dokumen sebutharga **WAJIB** di isi (key-in) dengan lengkap dalam sistem e-tender secara "**Online**" melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM>.
  - (b) Satu salinan asal dokumen sebutharga juga **WAJIB** dikemukakan secara "**Manual**" yang perlu dimasukkan sendiri ke peti sebutharga **Pejabat Bendahari, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor** dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan diberi nombor rujukan sebutharga (Nombor rujukan sebutharga bagi sebutharga ini adalah **B/04/004/2017 (32)**)
  - (c) Bagi satu salinan asal naskah yang perlu dimasukkan secara "**Manual**" ke dalam peti sebutharga, semua dokumen sebutharga hendaklah sampai di alamat seperti di bawah pada atau sebelum **2 Ogos 2017** tidak lewat daripada **jam 12.00 tengahari** :-

**Bendahari  
Pejabat Bendahari,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400, Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor.**

- (d) Semua dokumen sebutharga juga hendaklah di isi (key-in) dalam sistem e-tender secara "**Online**" dengan lengkap dan diterima oleh sistem melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM> pada atau sebelum **2 Ogos 2017** tidak lewat daripada **jam 12.00 tengahari**.
- (e) Dokumen Sebutharga yang dikemukakan secara "**Manual**" iaitu serahan tangan (**byhand**) hendaklah dimasukkan terus ke dalam Peti Sebutharga yang telah disediakan seperti alamat di atas pada atau sebelum **2 Ogos 2017** tidak lewat daripada **jam 12.00 tengahari**.

- (f) Jika pihak Universiti hanya menerima dokumen sebutharga yang telah di isi (key-in) di dalam sistem e-tender secara "**Online**" melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM> **ATAU** hanya menerima secara "**Manual**" di dalam peti sebutharga seperti yang dinyatakan di atas, dengan sendirinya sebutharga yang diterima tidak akan dinilai.
- (g) Oleh itu, semua penyebutharga **WAJIB** mengemukakan dokumen sebutharga dengan mengisi (key-in) dalam sistem e-tender secara "**Online**" melalui laman sesawang <http://tenderwizard.my/UTHM> dan **WAJIB** juga mengemukakan secara "**Manual**" satu salinan asal yang perlu dimasukkan sendiri ke peti sebutharga Pejabat Bendahari, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

12. Persetujuan:

- (a) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan memberi notis bertulis kepada "Penyebutharga" yang berjaya apabila sebutharganya dipersetujui.
- (b) Notis itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebutharga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada "Penyebutharga" menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
- (c) Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan "Penyebutharga" itu mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.

13. Surat-menyurat dari "Penyebutharga" yang tidak berjaya:

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia tidak akan melayan sebarang surat-menyurat dari "Penyebutharga" mengenai sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

14. Sebutharga yang tidak mengikut arahan-arahan di atas:

Sebutharga yang dibuat dengan tidak mengikut arahan-arahan di atas tidak akan dipertimbangkan.